



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**“HUBUNGAN ALAM DAN PELAKSANAAN IBADAH”**

**Tarikh Dibaca :**

**4 MUHARRAM 1443H/  
13 OGOS 2021M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**“HUBUNGAN ALAM DAN PELAKSANAAN IBADAH”****4 MUHARRAM 1443H / 13 OGOS 2021**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَّرَهُ

مَنَازِلَ لِنَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ

الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿يونس: ٥﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Sempena Bulan Falak Malaysia Tahun 1443H / 2021M sepanjang Bulan Muharram yang telah disempurnakan

pelancarannya oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 9 Ogos 2021, khatib akan menyampaikan khutbah bertajuk: “**Hubungan Alam dan Pelaksanaan Ibadah**”.

Sebelum itu, khatib ingin berpesan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah SWT agar diangkat segera wabak ini. Bagi yang telah mendaftar dan mendapat janji temu suntikan vaksin Covid-19, pastikan anda hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Manakala bagi yang belum mendaftar pula, segeralah berbuat demikian sebagai ikhtiar kita untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini di samping mencapai tahap imuniti berkelompok.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Ilmu berkaitan astronomi atau disebut sebagai ilmu falak ini merupakan salah satu disiplin ilmu atau yang mengkaji alam langit dan perjalanan objek-objek di langit seperti bintang, bulan dan matahari. Ilmu falak memiliki peranannya yang sangat penting lebih-lebih lagi kepada umat Islam dalam menyempurnakan pelaksanaan ibadah-ibadah tertentu. Dari sudut pandang Islam, ilmu falak ini ialah ilmu yang mengkaji segala objek di langit menurut lingkungan syara'. Kajiannya pula mencakupi aspek kejadian dan kewujudannya, sifat fizik dan metafiziknya, hubungannya dengan Penciptanya, aplikasinya dalam ibadah dan gunanya dalam pembentukan akhlak. Asas kepada ilmu astronomi ialah tauhid, mengesakan Allah SWT serta mengembalikan segala teori yang ada kepada Allah SWT dan tidak bertentangan dengan syariat-Nya. Allah SWT berfirman dalam Surah Yunus ayat 5 yang dibacakan pada mukaddimah khutbah tadi yang bermaksud:

*“Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda*

*kebesarannya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmah sesuatu yang dijadikanNya)".*

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Perkembangan ilmu falak telah bermula sejak kewujudan manusia di muka bumi. Sifat manusia yang sentiasa ingin tahu tentang kejadian-kejadian alam, pertukaran malam dan siang, pergerakan matahari, perubahan fasa-fasa bulan, dan taburan bintang di langit menyebabkan manusia sentiasa mengkaji dan meneliti kejadian-kejadian alam tersebut. Pemerhatian objek-objek di langit digunakan sebagai panduan ketika pelayaran, pertanian, berburu dan lain-lain lagi. Dapat dirumuskan bahawa pengkajian dan penelitian terhadap objek-objek di langit ketika awal tamadun manusia lebih tertumpu untuk kegunaan pekerjaan manusia sesuai dengan masa, tempat dan pekerjaan masyarakat ketika itu.




Aspirasi awal umat Islam yang menuntut ilmu, menyelidik serta menjalankan aktiviti cerapan bertitik tolak daripada ajaran Islam yang mewajibkan umatnya untuk menuntut ilmu. Selepas berlakunya peristiwa Hijrah dan pembukaan Kota Mekah, sahabat-sahabat Baginda telah dihantar ke serata kawasan di luar Mekah dan Madinah bagi menyebarkan ajaran Islam. Dengan itu, semakin ramai manusia yang terdiri dari Tamadun Yunani, China dan India ketika itu memeluk Islam dan mengembangkan lagi Tamadun Islam dengan identiti mereka tersendiri. Seterusnya, penterjemahan karya-karya monumental dari Bangsa Yunani dan karya ilmu astronomi India ke dalam Bahasa Arab merencanakan lagi perkembangan ilmu falak Islam. Perkembangan ilmu falak ini berterusan sehingga zaman Uthmaniyah selepas kurun ke-17 Masihi khususnya di Damsyik dan Kaherah. Empayar Moghul di India dicatatkan sebagai lokasi terakhir terbinanya balai cerap dalam Tamadun Islam. Antara tokoh ilmuwan Islam yang masyhur dalam ilmu falak dan menjadi rujukan termasuk kepada pengkaji bukan Islam ialah al-Khawarizmi dan al-Biruni.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Awal perkembangan ilmu falak ke negara kita sebahagiannya dipengaruhi oleh ulama Melayu yang menuntut ilmu di Mekah dan Madinah yang didedahkan dengan ilmu falak.

Para ulama ini kemudiannya menyalin semula naskhah-naskhah utama untuk dibawa balik ke Alam Melayu atau membuat karya baharu berdasarkan sumber yang telah dipelajari. Alam Melayu juga memiliki beberapa tokoh ulama yang masyhur dalam ilmu falak seperti Syeikh Tahir Jalaluddin yang menghasilkan karya Pati Kiraan dan *Natijah al-Ummi* serta Syeikh Abdullah Fahim yang terlibat dengan peristiwa falak Kemerdekaan Tanah Melayu.

Dalam konteks umat Islam di Malaysia, kepentingan ilmu falak dilihat dalam ruang lingkup yang lebih khusus. Contohnya dalam penentuan waktu solat, penentuan arah kiblat, dan penyusunan takwim. Malah, pada waktu ini juga waktu penentuan solat sunat gerhana, penetapan awal Ramadhan dan hari raya, serta hari-hari kebesaran Islam yang lain juga berpandukan ilmu falak. Begitulah pentingnya ilmu falak dalam kehidupan manusia lebih-lebih lagi kepada umat Islam. Bahkan, yang lebih penting ialah ilmu falak ini membuktikan dan memberikan dalil akal yang jelas lagi nyata tentang kewujudan dan kekuasaan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah al-Jaathiyah ayat 3:

  **إِنَّ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّلْمُؤْمِنِينَ** 

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya pada langit dan bumi terdapat tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman*”.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Sempena sambutan Bulan Falak Malaysia sepanjang Bulan Muharram 1443H, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama NGO Apadilangit dan Jabatan Mufti Negeri-Negeri sedang giat mengadakan pelbagai info, program dan aktiviti falak. Penganjuran Bulan Falak Malaysia ini bertujuan memberi pendidikan, pendedahan dasar dan ketetapan baharu kerajaan dalam hal ehwal falak, pengaplikasian dalam ibadah dan pelancaran Kriteria Imkanur Rukyah Baharu 1443H yang telah dipersetujui oleh negara-negara anggota MABIMS (Malaysia, Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Republik Singapura) melalui Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Negara MABIMS pada tahun 2019 yang bertempat di Singapura. Semoga dengan usaha ini dapat memberi

pengetahuan dan input yang banyak serta kefahaman yang jelas kepada seluruh umat Islam seterusnya mencetuskan minat orang ramai bagi mendalami ilmu falak.

Justeru, mengakhiri khutbah pada minggu ini, kesimpulan yang dapat diambil sebagai pengajaran buat kita semua iaitu;

**Pertama:** Setiap sesuatu yang dijadikan oleh Allah SWT sama ada di bumi dan di langit memiliki peranan dan kepentingan masing-masing yang tersendiri.

**Kedua:** Ilmu falak atau ilmu astronomi merupakan salah satu disiplin ilmu Islam yang telah melahirkan ramai tokoh dan menjadi rujukan sehingga ke hari ini.

**Ketiga:** Ilmu falak Islam menekankan konsep ketauhidan kepada Allah SWT.

**Keempat:** Sesungguhnya pada langit dan bumi terdapat tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-Ra'd ayat 2:

﴿اللَّهُ الَّذِي رَفَعَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلًّا

يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى يُدَبِّرُ الْأَمْرَ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ بِلِقَاءِ رَبِّكُمْ تُوقِنُونَ ﴿٢﴾

**Maksudnya:** “Allah jualah yang menjadikan langit terangkat tinggi dengan tiada bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy; dan Dia memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya) tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Allah jualah yang mentadbirkan segala urusan; Dia menerangkan tanda-tanda kekuasaanNya satu-persatu, supaya kamu yakin kepada pertemuan Tuhan kamu (untuk menerima balasan)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارِضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارِضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كِبَاوَه دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا  
سري فدوك بكنيدا يغ دفرتوان اكوخ ، السلطان عبد الله رعاية الدين المصطفى بالله  
شاه ابن المرحوم سلطان حاج أحمد شاه المستعين بالله.

وَكذلك كباوه دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سري فدوك بكنيدا راج فرمايسوري اكوخ،  
تونكو (Tunku) حابه عزيزة أمينة ميمونة إسكندرية بنت المرحوم المتوكل على  
الله سلطان إسكندر الحاج.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتِهِ وَعَمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتِكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.



Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ ﴿٩٠﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.